

03 JUN 2002

MAHATHIR-PENIAGAAN/I

MALAYSIA TELAH PULIH, PELABUR ASING KEMBALI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia telah pulih dengan kembalinya pelabur asing yang membawa modal untuk mewujudkan industri dan pekerjaan.

Para pelabur ini menghargai peraturan menjalankan perniagaan kerajaan yang jelas dan konsisten, katanya.

Mereka juga diberi jaminan tentang suasana perniagaan yang mesra dan mata wang yang stabil, katanya ketika berucap di pelancaran rasmi persidangan serantau pertama Pertubuhan Antarabangsa Rangkaian Kesatuan-Rantau Asia Pasifik (UNI-APRO), di sini hari ini.

Dengan perkembangan yang menggalakkan ini, kerajaan kini lebih yakin dengan pertumbuhan ekonomi hingga menaikkan unjuran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) tahun ini kepada lebih empat peratus daripada 3.5 peratus sebelumnya.

Ramai yang mengatakan kerajaan terlalu konservatif dalam meramalkan pertumbuhan 3.5 peratus ketika orang lain, termasuk pakar, meramalkan pertumbuhan lebih enam peratus.

"Saya fikir saya berhak untuk lebih optimis," katanya tentang unjuran pertumbuhan sambil merujuk kepada aktiviti perniagaan yang berkembang serta peningkatan bilangan pelancong ke Malaysia.

Dr Mahathir berkata bilangan pelancong ke negara ini telah merosot daripada satu juta orang sebulan kepada 500,000 orang selepas 11 Sept., tetapi ia meningkat semula antara 700,000 hingga 900,000 orang pada bulan-bulan selepas itu.

Pada Mac tahun ini, bilangan pengunjung mencecah 1.2 juta orang, katanya.

Menyentuh tentang tindakan menghalang spekulator mata wang daripada menggugat mata wang serantau, beliau berkata: "Saya gembira untuk memaklumkan bahawa kita di Malaysia berjaya menghentikan penyusutan nilai ringgit dan menstabilkan ekonomi.

"Kita berjaya mencapai kejayaan dengan cara kita sendiri," katanya.

Hari ini, ramai, termasuk pakar-pakar kewangan, bersetuju bahawa apa yang Malaysia lakukan adalah yang betul, dan terdapat banyak cara untuk menangani masalah kewangan.

Perdana menteri turut menegaskan bahawa pasaran mata wang tidak kudus dan ia tidak ia tidak terhad kepada para pedagang mata wang sahaja.

"Kerajaan mempunyai peranan di dalamnya dan perihatin bukan sahaja dalam membuat keuntungan seperti mana para pedagang. Mereka perihatin dengan kebajikan rakyat dan prestasi para syarikat," katanya.

Ketika ditanya di sidang media kemudiannya samada setiap negara perlu mengadakan kawalan dan mengawal selia mata wang mereka sendiri, Dr Mahathir berkata: "Saya percaya setiap negara mesti ada strategi sendiri.

"Saya tidak fikir ia akan berjaya bagi banyak negara untuk mengadakan kawalan modal. Tetapi bagi Malaysia, ia berjaya kerana kita mempunyai simpanan yang besar kira-kira 40 peratus daripada KDNK kita. Kita boleh melaksanakannya dengan berkesan."

Argentina, katanya, melaksanakan kawalan lebih awal tetapi ia tidak berjaya.

"Adalah tidak mudah untuk berkata hanya menambat mata wang, ia akan menyelesaikan masalah anda kerana banyak lagi yang perlu dilakukan," katanya.

Tentang rundingan di peringkat antarabangsa, Dr Mahathir berkata setiap

negara perlu diberikan peluang untuk memberi pendapat.

Di Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) terdapat negara yang mempunyai delegasi yang besar dan kuat yang mempengaruhi negara lain hanya kerana negara lain itu berhutang atau menerima bantuan daripada mereka.

"Jadi, ia bukan merupakan rundingan yang saksama. Rundingan sepatutnya adil dan setiap orang diberi peluang bercakap," katanya.

Mengenai aliran modal, beliau berkata aliran masuk modal disambut baik, tetapi mesti ada kawal selia untuk menghentikan aliran keluar yang tidak wajar.

-- BERNAMA

SHO MR JR